

'Negara Baru'

Brunei 100 Tahun Meniti Cabaran¹

Haji Abd. Karim bin Haji Abd. Rahman

Perjanjian Tambahan mengenai Perlindungan Kerajaan British ke atas Brunei yang ditandatangani pada 3 Disember 1905 dan 2 Januari 1906 adalah suatu langkah penyelamat survival Brunei daripada terus lenyap sebagai sebuah kerajaan yang berdaulat di Borneo. Tahun 1906 merupakan suatu detik yang bersejarah bagi Brunei apabila diperkenalkan satu sistem pentadbiran Inggeris di negara ini menggantikan sistem pentadbiran tradisi yang diamalkan sejak sekian lama. Secara ironik mengenang 100 tahun hubungan Brunei–Great Britain (1906-2006) bermakna melihat kembali pencapaian Brunei sebagai sebuah *negara baru* yang dibentuk semula berdasarkan acuan pentadbiran Inggeris, iaitu sebuah negara yang diselamatkan daripada kelumpuhan ekonomi dan ketidakpastian masa depannya.

Dalam kertas kerja ini perbincangan ditumpukan kepada latarbelakang yang membawa kepada termeterainya Perjanjian Tambahan pada tahun 1905/1906 dan seterusnya melihat beberapa usaha Residen Inggeris untuk menyusun semula pentadbiran Brunei mengikut sistem sebuah negara yang diamalkan di Britain. Di bawah sistem pentadbiran baru itu Sultan dan para Wazir baginda telah kehilangan hak-hak istimewa yang dinikmati sebelum ini sebagai tukaran kepada survival institusi Beraja itu sendiri. Negara Baru yang dimaksudkan adalah dilihat daripada segi konsep dan falsafah sebagai sebuah negara yang bercirikan kebangsaan. Dari segi sejarah, konsep sebuah Negara hanya wujud di Brunei pada tahun 1906 iaitu apabila Residen Inggeris dilantik menjadi Penasihat Sultan dalam menjalankan pentadbiran kerajaan. Konsep ini berbeza dengan konsep kerajaan atau negeri yang diamalkan sebelum ini, yang lebih bersifat *milik peribadi*. Oleh itu dalam melihat kewujudan Brunei sebagai sebuah Negara

Baru pada tahun 1906 terdapat beberapa perkara asas yang menjadi teras kepada kejayaan Brunei untuk bangkit daripada kemusnahan ekonominya dan pada masa yang sama tetap bertahan sebagai sebuah Kerajaan Kesultanan Melayu yang diwarisinya sejak abad yang ke-14.

Sejarah awal penglibatan Kerajaan British dalam hal ehwal politik Brunei sudah bermula pada tahun 1888 apabila Brunei mengikat hubungan secara rasmi dengan Great Britain melalui satu Perjanjian Perlindungan yang ditandatangani pada 17 September 1888. Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin dan Sir Hugh Low, Residen Inggeris di Perak selaku wakil Kerajaan British. Dalam perjanjian tersebut pihak British telah berjanji untuk melindungi Brunei daripada sebarang pencerobohan ke atas wilayah-wilayahnya oleh kuasa-kuasa asing, khususnya rejim Brooke di Sarawak dan Syarikat Inggeris Borneo Utara. Perkara III dalam perjanjian tersebut menegaskan bahawa '*Perhubungan di antara Brunei dengan semua negeri asing, termasuk Negeri Sarawak dan Borneo Utara hendaklah dikendalikan oleh Kerajaan Baginda Queen.*'² Oleh itu melalui perjanjian ini Kerajaan British telah diberi hak untuk campurtangan dalam hal ehwal Brunei, dan secara rasminya mengiktiraf kewujudan regim Brooke di Sarawak dan Syarikat Inggeris Borneo Utara di Borneo utara (Sabah) sebagai sebuah negeri yang diletakkan sama taraf dengan Brunei. Melalui perjanjian itu jelas bahawa Sultan telah memberi beberapa keistimewaan kepada pihak Inggeris semata-mata untuk menjamin survival kerajaan dan wilayah jajahannya. Hak-hak istimewa tersebut termasuklah hak terhadap menentukan bakal Sultan apabila timbulnya masalah mencari penganti. Begitu juga mengenai penempatan Konsul British di wilayah Brunei, layanan istimewa kepada rakyat dan hak-hak British, dan bidang kuasa kewilayahan ke atas rakyat British.³

¹ Kertas Kerja ini dibentangkan dalam Seminar Sejarah Brunei 111 anjuran Pusat Sejarah Brunei pada 8-9 Mac 2006 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

² Teks salinan Perjanjian Perlindungan Kerajaan British Terhadap Brunei pada 17 September 1888, Simpanan Pusat Sejarah, Brunei

Walaupun perjanjian ini dinamakan sebagai Perjanjian Perlindungan Kerajaan British terhadap Brunei tetapi pada prinsipnya dalam perjanjian tersebut tidak dinyatakan secara jelas tentang sebarang bentuk bantuan yang dijanjikan oleh Kerajaan British kepada Brunei bila berlakunya pencerobohan kuasa-kuasa asing ke atas wilayah Brunei. Perkara III dalam perjanjian itu menyatakan bahawa *'jika sebarang perselisihan berlaku di antara Sultan Brunei dengan sebarang kerajaan negeri lain, Sultan Brunei bersetuju akan menurut keputusan Kerajaan Baginda Queen, dan menjalankan semua langkah-langkah yang perlu untuk mengikut keputusan itu'*.⁴ Pasal tersebut bukanlah bersifat perlindungan serta merta daripada Kerajaan British ke atas Brunei bila berlakunya perselisihan dengan kuasa-kuasa asing. Dalam situasi ini Sultan dikehendaki patuh kepada sebarang keputusan daripada Kerajaan British dalam menangani masalah yang dihadapi oleh Brunei. Dengan kata lain pihak Inggeris tidak berjanji untuk melindungi Brunei kecuali perkara tersebut dianggap perlu bagi pandangan mereka. Oleh itu apa yang Sultan harapkan daripada perlindungan Inggeris itu ternyata gagal menghalang peluasan wilayah Brooke di Sarawak. Perjanjian tersebut tidak cukup untuk melindungi Brunei kerana pihak Inggeris beranggapan bahawa Brunei adalah sebuah kerajaan yang merdeka dan *'perlindungan seumpama itu tidak memberikan hak kepada Kerajaan Baginda Queen untuk campurtangan dalam pentadbiran di negeri itu'*.⁵ Kerajaan British belum bersedia untuk menempatkan seorang Residen British di Brunei bagi membantu Sultan menjalankan pentadbiran kerajaan, kerana ianya dianggap sebagai mencampuri pentadbiran Brunei. Namun begitu pada masa yang sama Sultan begitu memerlukan kehadiran seorang Residen British di Brunei, iaitu syarat penting bagi melindungi Brunei daripada pencerobohan kuasa asing. Ketiadaan seorang pegawai tetap Inggeris di Brunei merupakan punca kegagalan perjanjian tersebut, kerana Sultan sebenarnya memerlukan seorang penasihat yang bukan saja cekap dalam pentadbiran tetapi juga dihormati oleh kuasa-kuasa Inggeris yang lain di Sarawak dan Borneo Utara. Oleh itu perjanjian tahun 1888 itu jelas

³ Bab: III, Bab: IV, Bab:V dan Bab: VII dalam Perjanjian Tambahan berkenaan, *Ibid.*,

⁴ *Ibid.*

tidak membawa makna kepada keselamatan Brunei kerana persoalan utama dalam birokrasi pentadbiran Kesultanan Brunei masih kekal dengan corak lama dan dikuasai oleh mereka yang pro Brooke. Misalnya Datu Temenggung Kim Swee, seorang pedagang yang begitu rapat dengan Sultan adalah juga seorang ejen Kerajaan Sarawak yang pro Brooke. Beliau juga diberi tanggungjawab oleh Sultan Hashim menjadi orang tengah dalam menguruskan perjanjian tahun 1888 itu dengan pihak Inggeris, dan seterusnya menjadi saksi dalam perjanjian tersebut. Ini bermakna bahawa Sultan dikelilingi oleh orang-orang yang tidak menyokong sepenuhnya usaha baginda untuk mempertahankan survival Brunei pada waktu itu.⁶

Kelemahan-kelemahan tersebut telah membawa perlunya Brunei kepada satu lagi perjanjian perlindungan dari pihak British, iaitu sebagai tambahan kepada perjanjian tahun 1888 itu. Oleh itu termeterainya satu lagi perjanjian di antara Brunei dengan Kerajaan British yang telah ditandatangani lebih awal oleh Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin bersama-sama dengan Pengiran Bendahara dan Pengiran Pemancha pada 3 Disember 1905. Sebulan kemudian barulah John Anderson selaku wakil Kerajaan British datang ke Brunei untuk menandatangani perjanjian tersebut pada 2 Januari 1906. Ini menunjukkan bahawa baginda Sultan begitu mengharapkan perlindungan yang lebih terjamin daripada Kerajaan British. Harapan baginda Sultan ini jelas dinyatakan dalam kandungan perjanjian tersebut yang menegaskan bahawa *'Bawah Duli Sultan telah menyatakan kepada kerajaan Inggeris, adapun seperti perjanjian yang telah diperbuat pada 17 haribulan September tahun 1888 itu tiadalah memberi pertolongan yang mencukupi maka sebab itu ditambahi lagi perjanjian di antara kerajaan Inggeris dengan Sultan Brunei ...'* Pasal pertama dalam perjanjian berkenaan berbunyi bahawa *'Maka Bawah Duli Sultan Brunei hendak menerima satu tuan pegawai dari kerajaan Inggeris gelarannya residen dan, demikian juga*

⁵ Bab: 1, *Ibid.*

⁶ Mohamad Amin Hassan, "Perjanjian T.M 1888 Brunei-Great Britain: Satu Dokumen Sejarah", *Brunei Di Tengah-Tengah Nusantara: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 1994, hal. 140-141.

*hendaklah Bawah Duli Sultan memberi suatu tempat yang berpatutan akan jadi tempat kediamannya. Maka adalah tuan residen itu wakil dan ganti kerajaan Inggeris di bawah perintah Tuan High Commissioner. Bagi negeri-negeri Melayu yang bernaung di bawah naungan kerajaan Inggeris maka telah wajiblah Kebawah Duli Sultan bermuafakat dahulu dengan tuan residen itu atas sebarang perihal negeri Brunei serta hendaklah pula Bawah Duli Sultan menurut mana-mana nasihat tuan residen itu melainkan sahaja pasal hal ugama Islam, ...*⁷

Di dalam perjanjian tersebut seorang Residen British telah ditempatkan di Brunei selaku penasihat Sultan. Baginda dikehendaki menerima nasihat Residen berkenaan di dalam semua perkara kecuali yang berkaitan dengan agama Islam.⁸ Dengan kata lain pihak Inggeris telah mengambilalih semua urusan pentadbiran kerajaan kecuali mengenai agama Islam. Bidang kuasa Residen juga meliputi di dalam soal adat-istiadat Melayu yang menjadi teras kepada pentadbiran tradisional Brunei, kerana adat-istiadat Melayu itu merangkumi hal-hal yang berkaitan dengan hak milik peribadi dan percukaian yang menjadi perancangan Inggeris untuk menghapuskannya.⁹ Dengan bidang kuasa yang dimiliki oleh Residen itu bermakna hak-hak istimewa Sultan dan Wazir-Wazir baginda ke atas pemilikan hamba, wilayah, dan cukai telah terhapus. Sultan terpaksa menerima hakikat kehilangan hak istimewa tersebut bagi memudahkan Residen menyusun semula pentadbiran dan ekonomi Brunei yang sudah lumpuh, kerana hak-hak istimewa itu telah terbukti membawa kepada kejatuhan empayar Brunei. Dalam Surat Keliling Sultan Hashim kepada rakyat Brunei sebaik saja perjanjian tersebut ditandatangani, baginda dengan penuh harapan menyeru kepada rakyat baginda untuk mentaati perintah Residen British yang baru dilantik itu:

⁷ Teks salinan Perjanjian Tambahan Mengenai Perlindungan British Terhadap Brunei pada 3 Disember 1905 dan 2 Januari 1906, simpanan Pusat Sejarah Brunei, Brunei. Sila rujuk Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Liku-Liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam*, Jabatan Pusat Sejarah, Bandar Seri Begawan, Brunei, 1992, h. 7.

⁸ A.V.M.Horton, Intro & Antd, *Report on Brunei in 1904 by M.S.H. McArthur*, Ohio University, Monographs in International Studies, Southeast Asia Series, No. 74. Ohio: Athen, 1987, hal. 36.

⁹ *Ibid.*

*'Titah daripada kita Seri Paduka Kebawah Duli Yang Dipertuan Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin memberi tahu kepada sekalian orang yang di bawah perintah Brunei seperti yang tersebut di bawah ini bahawa adalah kita telah membuat perjanjian dengan Kerajaan Inggeris, dalam perjanjian itu Kerajaan Inggeris akan menolong dan memelihara kita dan penganti kita selama-lamanya. Maka dalam perjanjian itu kita mengaku menerima seorang Pegawai daripada Kerajaan Inggeris gelarannya Residen yang akan menolong kita di dalam segala perkara negeri dan menjalankan perintah kita dan memungut segala cukai dan supaya mudah-mudahan boleh menjadi aman dan sentosa. Dari sebab itu kita titahkan kepada orang-orang yang di bawah perintah Brunei mendengar dan menurut perkataan tuan Residen itu sebab dengan sepenuh-penuh kepercayaan dan suka hati kita menguasai Tuan Residen itu menjalankan dan mengaturkan perintah kita dalam negeri Brunei dan pesisirnya.'*¹⁰

Dengan pemberian kuasa politik yang lebih kepada Residen itu memudahkan Inggeris mengumpul segala sumber kewangan Brunei dengan cara memilik negara semua hasil negeri yang sebelumnya menjadi milik peribadi Sultan dan Wazir-Wazir baginda. Sebelum itu Brunei sememangnya tidak mempunyai satu perbendaharaan kerana di dalam pentadbiran tradisional Brunei yang berasaskan kepada sistem pentadbiran feodal di sungai-sungai Tulin, Kuripan, dan Kerajaan seluruh hasil pendapatan di sungai-sungai tersebut menjadi hak peribadi pemilik-pemilik sungai-sungai itu. Misalnya pendapatan Baginda Sultan sebelum Residen menghapuskan sistem pentadbiran tersebut dianggarkan berjumlah \$25,000.00 yang datangnya daripada pembayaran sungai-sungai Tulin dan Kuripan yang dipajak oleh Brooke dan Syarikat Inggeris Borneo Utara serta pembayaran sewa ke atas monopoli perdagangan yang diberikan kepada pedagang-pedagang Cina dan juga cukai kepala daripada puak-puak Bisaya,

¹⁰ Teks salinan *Surat Keliling Sultan Hashim Tahun 1906*, simpanan Pusat Sejarah Brunei, Brunei.

Tutong, dan Kedayan yang menjadi hamba Tulin dan Kuripan baginda. Sementara pendapatan dua orang Wazir baginda iaitu Pengiran Bendahara dianggarkan sebanyak \$9,000.00 dan Pengiran Pemancha sebanyak \$8,000.00 yang datangnya daripada pembayaran sungai-sungai Tulin mereka.¹¹ Manakala di dalam sektor perdagangan pula semua hak ke atas barang-barang eksport dan import telah dimonopoli oleh pedagang Cina dan hasil daripada perdagangan tersebut menjadi milik peribadi mereka.¹² Oleh itu sebelum diperkenalkan sistem Residen di Brunei semua hasil pendapatan dikira sebagai milik individu kerana konsep Kerajaan di dalam politik Brunei adalah merujuk kepada diri Sultan itu sendiri dengan diperuntukkan hak-hak istimewanya seperti wilayah-wilayah Kerajaan dan Kuripan selain daripada berbagai bentuk cukai seperti cukai kepala dan cukai perdagangan di pelabuhan Brunei. Hak-hak istimewa seumpama ini juga diperolehi oleh Wazir-Wazir dan kaum keluarga baginda mengikut kedudukan mereka di dalam adat-istiadat Brunei.

Apabila sistem Residen diperkenalkan di Brunei semua hasil tersebut dijadikan hasil negeri, dan baginda Sultan serta dua orang Wazir baginda mendapat bayaran elaun bulanan daripada kerajaan. Walaupun di dalam hierarki pentadbiran Inggeris di Brunei kedudukan Sultan masih ditempatkan di kedudukan yang tertinggi tetapi kuasa mutlak baginda di dalam pentadbiran negeri telah berpindah ke tangan Residen. Semua urusan pentadbiran Brunei dikendalikan oleh Residen kecuali yang berkaitan dengan agama Islam dan Sultan dikehendaki menerima nasihatnya di dalam semua perkara yang tidak menyentuh bidang agama Islam.¹³ Dengan kata lain kedudukan Sultan di dalam pentadbiran Inggeris hanyalah sebagai ketua kerajaan yang tidak mempunyai kuasa eksekutif. Misalnya di dalam Majlis Mesyuarat Negeri (State Council) yang dibentuk oleh Inggeris setiap keputusan yang diputuskan oleh Majlis adalah atas perkenan Sultan setelah menerima nasihat daripada Residen. Oleh itu Residen mempunyai pengaruh yang kuat 'dominant voice' di dalam menentukan setiap

¹¹ Horton, *Report on Brunei in 1904*, h. 150

¹² *Ibid.*, h. 124

keputusan yang diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri apabila Sultan dikehendaki mendengar nasihatnya dalam semua perkara yang tidak menyentuh bidang agama Islam.¹⁴

Dalam perjanjian tersebut baginda Sultan terpaksa menerima perubahan-perubahan yang dibuat oleh Inggeris ke atas sistem pentadbiran Brunei semata-mata untuk menyelamatkan institusi Kesultanan itu sendiri. Lebih-lebih lagi dengan lindungnya Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamadin pada tahun 1906, putera baginda Sultan Muhammad Jamalul Alam yang ditabalkan menjadi Sultan Brunei yang baru pada bulan Mei 1906 masih muda usianya dan jawatan tersebut terpaksa digimbari oleh dua orang Wazir. Walaupun keadaan ini memberi peluang kepada Residen untuk menguasai sepenuhnya pentadbiran Brunei tetapi ianya juga menyelamatkan survival institusi Kesultanan itu sendiri daripada terus lenyap akibat tekanan-tekanan yang dihadapi oleh Brunei pada ketika itu. 'Great care was taken to ensure that the ancient constitution was preserved as far as possible'.¹⁵ Di bawah pentadbiran Residen juga wilayah-wilayah Brunei yang masih berada di dalam empayarnya seperti daerah Tutong, Belait, Temburong, dan Muara berjaya dipertahankan daripada dipajak atau dirampas oleh Brooke yang sentiasa berusaha untuk memasukkan seluruh wilayah-wilayah tersebut termasuk Brunei sendiri ke dalam pentadbiran Sarawak. Brooke juga tidak henti-henti menghasut Pengiran Bendahara untuk menentang pertabalan Sultan Muhammad Jamalul Alam dan berkerjasama dengannya bagi menjayakan rancangannya itu.¹⁶

Penaungan Kerajaan British ke atas Brunei pada tahun 1906 dan kemasukan seorang Residen Inggeris di dalam sistem birokrasinya bermakna bermulanya suatu sistem pentadbiran baru di Brunei yang bercirikan sebuah *negara bangsa* seperti mana yang diamalkan hari ini. Konsep pentadbiran baru ini adalah

¹³ *Ibid.*, h.36

¹⁴ *Ibid.*, h. 65

¹⁵ *Ibid.*

¹⁶ *Ibid.*, h. 41 - 43

menjurus kepada nilai-nilai kebangsaan dan ianya begitu berbeza dengan konsep pentadbiran tradisional Brunei yang menyerupai sistem feodal di Barat. Sebagai sebuah negara, Brunei memiliki bendera kebangsaannya sendiri yang mempunyai unsur-unsur yang begitu simbolik kepada Brunei kerana warna – warna yang terdapat pada bendera kebangsaan itu adalah mewakili warna-warna bendera peribadi Sultan, Pengiran Bendahara, dan Pengiran Pemancha, iaitu yang bertanggung-jawab menandatangani Perjanjian Tambahan pada tahun 1906. Dengan adanya bendera kebangsaan itu secara tidak langsung telah melambangkan kedudukan Brunei sebagai sebuah negara yang berkerajaan sendiri.

Satu perkara yang diutamakan oleh Residen dalam membina semula pembangunan Brunei ialah memindahkan Bandar Brunei dari Kampong Ayer ke kawasan darat, kerana sebuah Negara Baru hendaklah juga dimulakan di bandar baru. Oleh itu pada tahun 1906 Bandar Brunei telah mula berpindah secara berperingkat-peringkat ke kawasan darat dengan membina beberapa buah bangunan pejabat dan kediaman rasmi Residen di Jalan Residensi. Mengikut laporan Inggeris mengenai perpindahan tersebut mengatakan bahawa di kawasan bukit Residensi telah diratakan untuk membina bangunan-bangunan sementara barek dan balai polis, pos, penjara, dan rumah kerani.¹⁷ Dengan terbinanya bandar baru Brunei itu memudahkan lagi usaha pihak kerajaan (Residen British)menyusun semula pembangunan Brunei terutamanya bagi meningkatkan taraf hidup orang-orang Brunei yang tinggal di Kampong Ayer. Dalam laporan Inggeris tahun 1910 menyebut bahawa perpindahan bandar tersebut adalah didasarkan kepada tiga faktor utama iaitu sebab-sebab ekonomi, sosial dan kesihatan, dan seterusnya menegaskan bahawa “Negeri ini tidak akan, dan tidak dapat maju dengan sebenar-benarnya sehingga ibu kotanya bertempat di tanah kering”. Sehingga tahun 1910 kerajaan telah berjaya membina lebih 20 buah lot kedai di sepanjang Jalan McArthur dan Jalan Sultan

¹⁷ *Memperingati Penukaran nama Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, 1970, h. 25

yang semuanya dipenuhi oleh peniaga-peniaga Cina yang berpindah dari Kampong Ayer.¹⁸

Selain daripada itu kerajaan melalui *Majlis Mesyuarat* telah memperkenalkan beberapa akta baru bagi mengganti undang-undang tradisi yang dianggap tidak sesuai dengan sistem pentadbiran baru Brunei. Di antaranya ialah Akta Tanah (1907) yang diwujudkan bagi memansuhkan hak milik tanah peribadi Sultan dan Wazir-Wazir serta kaum kerabat baginda yang diwarisi sebagai tanah Tulin, Kuripan, dan Kerajaan yang diamalkan sebelum itu. Pihak kerajaan juga memperkenalkan akta-akta mahkamah pada tahun 1908 yang membawa kepada penubuhan Mahkamah Kadhi dan Mahkamah Sivil. Ini bermakna bahawa bidang kuasa Mahkamah Syariah telah dihadkan dengan penubuhan Mahkamah Kadhi itu yang hanya dikhususkan bagi menyelesaikan masalah umat Islam sahaja. Sementara Mahkamah Sivil pula diberi bidang kuasa yang lebih luas dengan tertubuhnya Hakim-Hakim Mahkamah Kelas Pertama, Kedua, dan Ketiga.¹⁹ Penubuhan akta-akta baru ini dilihat sebagai mencabar kewibawaan institusi Beraja di Brunei apabila perkara-perkara mengenai adat-istiadat dan agama yang menjadi teras kepada institusi tersebut mula dicampuri oleh Inggeris.

Walaupun pentadbiran Brunei dapat digerakkan dengan tertubuhnya beberapa buah jabatan dan undang-undang baru tetapi Brunei masih menghadapi masalah ketenatan ekonominya akibat daripada kehilangan wilayah-wilayahnya di Borneo, terutamanya Daerah Baram dan Limbang. Dalam laporan M.S.H. McArthur mengenai ekonomi Brunei pada tahun 1904 mendapati bahawa Daerah Brunei hanya mampu menghasilkan sedikit ubar (cutch), ikan, dan pertukangan tangan seperti perak dan tembaga.²⁰ Oleh itu sebagai langkah pertama Inggeris untuk memantapkan ekonomi Brunei ialah dengan cara memiliknegerakan semua sumber ekonomi Brunei yang sebelumnya menjadi

¹⁸ *Ibid.*, h. 24.

¹⁹ A.V.M. Horton, *The Development of Brunei During the British Residential Era 1906-1959 A Sultanate Regenerated*, Thesis of Phd in South Asian Studies, University of Hall, England, 1985, h. 145-146.

²⁰ Abd. Karim bin Hj. Abd. Rahman, "Ekonomi Brunei: Satu Tinjauan Perbandingan," *Beriga*, Dewan

milik peribadi Sultan dan Wazir-Wazir baginda serta peniaga-peniaga Cina, khususnya hasil daripada pembayaran cukai perdagangan dan sewa beberapa buah ladang yang diusahakan di Brunei dan kilang arang batu di Muara. Dalam laporan M.S.H. McArthur menyatakan bahawa sumber pendapatan utama Brunei pada tahun 1906 adalah datangnya daripada pembayaran lesen tiga buah ladang iaitu ladang candu dan arak, cukai import tembakau, minyak tanah dan mancis berjumlah \$12,210.00.²¹ Sementara pendapatan daripada pembayaran cukai kepala pada tahun tersebut hanya berjumlah \$1,112.00.²² Pendapatan terbesar Brunei datangnya daripada penjualan setem bayaran pos yang berjumlah \$14,587.00 pada tahun 1907. Lain-lain pendapatan pula ada hasil daripada pembayaran sewa kilang arang batu di Brooketon (Muara) dan Buang Tawar yang dipajakkan kepada Brooke.²³

Segala usaha pihak Inggeris untuk mengumpul sumber-sumber ekonomi Brunei pada tahun awal pentadbiran mereka masih gagal mengimbangi perbelanjaan untuk membangun semula Brunei. Pendapatan Brunei pada tahun 1906 hanya berjumlah \$28,173.78 sedangkan jumlah perbelanjaannya mencapai \$182,431.01.²⁴ Bagi menampung perbelanjaan yang begitu tinggi Brunei terpaksa meminjam wang daripada Negeri-Negeri Melayu Bersekutu sebanyak \$200,000.00. Sebahagian besar wang pinjaman tersebut digunakan untuk membeli semua hak monopoli ke atas cukai barang-barang import dan eksport daripada peniaga-peniaga Cina yang menguasai seluruh aktiviti perdagangan Brunei pada ketika itu.²⁵ Oleh itu pada tahun-tahun awal pentadbiran Inggeris di Brunei mereka terpaksa berhadapan dengan masalah kejatuhan ekonominya yang diwarisi daripada pentadbiran feudal Brunei dan terpaksa pula mendapatkan semula semua sumber pendapatan yang ada di Brunei khususnya

Bahasa dan Pustaka, Brunei, Okt-Dis, 1990, h. 19

²¹ Horton, Report on Brunei, h. 59

²² *Ibid.*

²³ *Ibid.*, h.11

²⁴ Abd. Karim, Ekonomi Brunei: Satu Tinjauan Perbandingan, h. 19

²⁵ *Ibid.*

hak ke atas cukai-cukai perdagangan yang sebelumnya dimonopoli oleh peniaga-peniaga Cina.

Walaupun pada tahun 1907 jumlah pendapatan Brunei meningkat kepada \$51,777.00 tetapi perbelanjaannya juga turut meningkat kepada \$93,334.00.²⁶ Situasi yang sama berlaku pada tahun 1908 di mana pendapatan Brunei hanya berjumlah \$43,529.00 dibandingkan dengan jumlah perbelanjaannya sebanyak \$77,840.00.²⁷ Satu perkara lain yang menyebabkan tidak meningkatnya pendapatan Brunei pada waktu itu adalah disebabkan oleh besarnya perbelanjaan kerajaan kepada benda-benda yang tidak produktif seperti bayaran pesaraan dan elaun peribadi yang berjumlah \$40,044.87 pada tahun 1908.²⁸ Jika dikira daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan Brunei pada tahun tersebut yang berjumlah \$77,840.00 hanya \$3,796.02 sahaja yang diperuntukkan bagi kebajikan rakyat dan pembangunan infrastruktur. Jumlah pembayaran elaun yang terbesar sekali ialah kepada Sultan dan dua orang Wazir baginda yang berjumlah \$24,000.00.²⁹

Di dalam membangun semula ekonomi Brunei, kerajaan terpaksa mengimbangi perbelanjaannya di antara pembangunan infrastruktur dan perbelanjaan peribadi Sultan dan Wazir-Wazir Baginda yang terpaksa ditanggung sebagai pampasan kepada kehilangan sumber pendapatan mereka semasa di dalam pentadbiran fuedal Brunei. Jumlah yang diperuntukkan bagi membayar elaun Sultan dan Wazir-Wazir baginda mencapai sehingga separuh daripada jumlah pendapatan Brunei. Oleh itu kerajaan terpaksa mempelbagaikan sumber eksportnya bagi menampung keperluan perbelanjaan yang semakin meningkat akibat bertambahnya keperluan kemudahan awam seperti hospital, sekolah, jalan raya, dan sebagainya. Misalnya pada tahun 1908 kerajaan mula memajukan bidang perladangan dengan mengusahakan penanaman getah. Di antara tahun 1916 -

²⁶ Horton, Report on Brunei, h. 58

²⁷ Abd. Karim, Ekonomi Brunei, h. 20

²⁸ *Ibid.*

²⁹ *Ibid.*

1926, getah telah menjadi bahan eksport Brunei yang utama dan terpenting. Pada tahun 1916 getah telah menyumbang sebanyak \$142,711.00 daripada jumlah eksport Brunei dibandingkan dengan jelutong yang menduduki tempat kedua sebanyak \$37,016.00.³⁰

Walau bagaimanapun, sandaran Brunei terhadap sumber-sumber pertanian dan hutan di dalam eksportnya tidak dapat menggerakkan pembangunan negeri kerana ia dipengaruhi oleh keadaan pasaran dunia. Boleh dikatakan bahawa ekonomi Brunei sehingga tahun-tahun 1930-an masih berkeadaan tenat dan memerlukan bantuan kewangan daripada negeri-negeri Melayu Bersekutu. Walaupun terdapatnya peningkatan dalam pendapatan Brunei sejak Residen mengambil alih pentadbiran negara pada tahun 1906 tetapi ianya belum cukup menampung keperluan pembangunan Brunei yang semakin bertambah. Daripada data jumlah pendapatan dan perbelanjaan Brunei dari tahun 1906 hingga 1930 yang ditunjukkan di bawah ini jelas menunjukkan bahawa berlakunya di mana perbelanjaan Brunei lebih besar daripada pendapatannya.

**Jadual 5.6: Jumlah Pendapatan dan Perbelanjaan Brunei
Tahun 1906 - 1930**

<i>Tahun</i>	<i>Pendapatan</i>	<i>Perbelanjaan</i>
1906	\$28 173.78	\$182,431.01
1907	\$51,777.00	\$93,334.00
1908	\$48,539.50	\$77,840.00
1920	\$206,253.00	\$223,690.00
1930	\$333,069.00	\$373,604.00

[Sumber: Horton, (1987: 257)]

Dengan keadaan ekonomi Brunei yang belum mantap itu telah membuka peluang kepada Brooke untuk mempersoalkan kemampuan Inggeris mentadbir Brunei dan membandingkan dengan kejayaannya membawa kemajuan

³⁰ G.E. Catr, ed., *Report of the State of Brunei for 1919*, Federated Malay State Government Press, Kuala Lumpur, h. 2

Sarawak.³¹ Brooke sentiasa bercita-cita untuk memasukkan seluruh wilayah Brunei termasuk Brunei sendiri ke dalam pentadbiran Sarawak bagi menguatkan kedudukannya di barat laut Borneo. Hasrat tersebut tetap diteruskannya pada tahun-tahun awal pernaungan Inggeris ke atas Brunei dengan mengambil kesempatan daripada keadaan ekonomi Brunei yang masih tenat itu. Walau bagaimanapun hasrat tersebut semakin berkurangan apabila Brunei berjaya meningkatkan pembangunannya pada akhir tahun 1930-an khususnya setelah minyak menjadi eksport utama negara.³²

Dengan sumber-sumber ekonomi yang terhad, Residen terpaksa menghadapi masalah membangun semula ekonomi Brunei sehinggalah minyak ditemui di Seria pada tahun 1929 dan menjadi eksport utamanya pada tahun 1932.³³ Oleh itu Brunei bukan sahaja berjaya menghindarkan dirinya daripada dimasukkan ke dalam wilayah Sarawak tetapi juga berjaya mengukuhkan institusi Kesultannya di bumi yang kecil apabila ekonominya semakin mantap di bawah naungan Kerajaan British. Selain daripada itu, Kerajaan British juga mendapat faedah daripada pernaungannya ke atas Brunei setelah negara ini menampakkan potensinya sebagai pengeluar minyak utama rantau ini. Ternyata Brunei bukan semata-mata sebuah tempat yang kering-kontang dan dikelilingi oleh berbagai masalah tetapi adalah sebuah bumi yang memiliki kekayaan yang tidak diduga oleh sesiapa pun sebelum itu. Usia 100 tahun Brunei sebagai sebuah *negara baru* bagaikan suatu perjalanan yang penuh berliku dan mampu membekalkan pengalaman yang berguna kepada rakyat dan penduduknya pada hari ini.

³¹ *Ibid.*, h. 47

³² Abd. Karim, *Ekonomi Brunei*, h. 21

³³ *Ibid.*, h. 22